

NO. SOALAN: 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING
[STAMPIN]

TARIKH : 03 OGOS 2017 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam usaha kerajaan untuk menjayakan peniagaan *e-hailing*, apakah inisiatif Kerajaan dalam membolehkan penumpang mendapat perlindungan insurans. Bolehkah syarikat-syarikat insurans yang sedia ada mengadakan pakej perlindungan bagi tujuan tersebut. Senaraikan secara terperinci inisiatif-inisiatif baru yang akan dilaksanakan serta wujudnya insentif Kerajaan bagi menggalakkan usahawan tempatan dalam membangunkan industri sedemikian.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) akan mengawal selia perkhidmatan *e-hailing* melalui cadangan pindaan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada minggu lalu. SPAD akan mengumumkan dasar dan syarat-syarat bagi mengawal selia penyedia perkhidmatan aplikasi *e-hailing*, pemandu-pemandu dan kenderaan-kenderaan *e-hailing*.
2. Antara syarat yang dikenakan adalah berkaitan perlindungan insurans dimana penyedia perkhidmatan aplikasi *e-hailing* hendaklah memastikan perkhidmatan yang akan diberikan mempunyai perlindungan insurans yang melindungi pemandu, kenderaan, penumpang dan pihak ketiga.
3. SPAD telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama pihak Bank Negara Malaysia (BNM) dan Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) bagi membincangkan keperluan perlindungan-perlindungan tersebut. BNM dan PIAM telah mengambil maklum dan akan memaklumkan syarikat-syarikat insurans sedia ada bagi penyediaan pakej insurans yang bersesuaian.
4. SPAD juga pada masa yang sama sentiasa menggalakkan syarikat, persatuan dan pemandu taksi untuk menawarkan perkhidmatan taksi melalui aplikasi *e-hailing* yang terbukti lebih efektif

berbanding cara konvensional sama ada melalui usahasama dengan pengendali *e-hailing* semasa atau membangunkan aplikasi tempahan sendiri. Oleh yang demikian, permintaan yang tinggi untuk perkhidmatan ini sedikit sebanyak akan membantu menggalakkan usahawan tempatan dalam menceburi dan membangunkan industri baharu ini. Antara syarikat tempatan yang telah membangunkan aplikasi *e-hailing* mereka sendiri ialah *Pick & Go*, *Zepp On* dan *EzCab*.

Sekian, terima kasih.